



KEMENTERIAN KOMUNIKASI  
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

Saya dimaklumkan bahawa pegawai-pegawai daripada SPRM telah hadir di ibu pejabat Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) pada 7 Jun lalu. SPRM telahpun sahkan bahawa siasatan sedang dijalankan berkenaan beberapa peruntukan FINAS untuk tahun 2017 yang dipertikaikan.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa KKMM tidak akan sama sekali bertolak ansur atau kompromi dalam apa jua perkara yang melibatkan elemen rasuah, ketirisan ataupun salahguna kuasa dalam mana-mana jua agensi dan/atau jabatan di bawah bidang kuasanya.

Perkara yang melibatkan elemen rasuah, ketirisan ataupun salahguna kuasa di dalam industri kreatif negara kita, sekiranya ada, boleh melemahkan persaingan sihat yang perlu bagi mengembangkan industri ini dan boleh melumpuhkan perkembangan industri ini secara keseluruhan.

Jadi, sekiranya siasatan menunjukkan wujudnya sebarang elemen ini, maka tindakan tegas perlu diambil mahupun secara undang-undang ataupun secara dalaman bagi menangani perkara ini dengan serta-merta.

Oleh itu, SPRM seharusnya diberikan ruang yang sepenuhnya dalam siasatan ini dan pihak-pihak berkaitan perlu memberi kerjasama yang diperlukan untuk melengkapkan siasatan ini.

Saya harap siasatan ini juga akan melihat secara mendalam kepada aturcara dalam mana peruntukan-peruntukan FINAS digunakan dalam masa lalu dan sekiranya didapati wujudnya sebarang kelemahan atau kekurangan, cadangan-cadangan bagi memperkuatkannya dapat dikemukakan untuk pertimbangan KKMM.

**GOBIND SINGH DEO**  
MENTERI KOMMUNIKASI DAN MULTIMEDIA,  
MALAYSIA

19 Jun 2018